

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
DAN
GARIS PANDUAN KEBENARAN BEROPERASI
SERTA PERGERAKAN KAKITANGAN
KERJA PENYELENGGARAAN DAN OPERASI
BAGI SEKTOR KOMUNIKASI DAN INTERNET
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN**



2020

**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA
(SKMM)**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN
KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN KAKITANGAN
BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN KOMUNIKASI DAN INTERNET
(PENYELENGGARAAN DAN OPERASI)
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

1. Perkhidmatan Komunikasi dan Internet telah diwartakan oleh kerajaan sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan semua urusan berkaitan dengan industri Komunikasi dan Internet.
2. Peraturan 7 di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2020 (P.U. (A) 117/2020), membenarkan seseorang untuk menjalankan kerja ke atas infrastruktur berkaitan perkhidmatan komunikasi dan internet. Bagi tujuan SOP ini, skop kerja ke atas infrastruktur berkaitan perkhidmatan komunikasi dan internet termasuklah kerja-kerja seperti skop yang dinyatakan pada Jadual 1.
3. Secara umumnya, waktu operasi kerja yang dibenarkan adalah dari jam pukul 8 pagi sehingga pukul 6 petang. Walaubagaimanapun, waktu operasi kerja ini juga tertakluk kepada arahan-arahan berhubung waktu operasi kerja yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan dari semasa ke semasa.

4. Skop kerja kerja dan zon yang dibenarkan adalah seperti di bawah;

BIL	SKOP KERJA PENYELENGARAAN DAN OPERASI	ZON HIJAU	ZON KUNING	ZON MERAH
1.	Pemasangan baharu di premis pelanggan	✓	✗	✗
2.	Pengesanan kerosakan rangkaian, pemuliharaan, operasi rutin, penyelenggaraan dan pengisian diesel	✓	✓ Sehingga Distribution Point saja	✓ Sehingga Distribution Point saja
3.	Pemasangan infrastruktur baharu di lapangan, menaiktaraf rangkaian (infrastruktur sivil dan peralatan komunikasi)	✓	✓	Bergantung kepada keperluan
4.	Penyelenggaraan berkala luaran (Seperti memotong rumput, pembersihan kawasan dan seumpamanya)	✓	✗	✗
5.	Stor penyimpanan	✓	✓	Bergantung kepada peraturan Pihak Berkuasa
6.	Perkhidmatan penghantaran peralatan, barangan keperluan Komunikasi (seperti alat ganti dan kad sim dan sebagainya)	✓	✓	Bergantung kepada peraturan Pihak Berkuasa

Jadual 1

Nota:

- a) Skop kerja adalah seperti diperuntukkan di bawah dokumen Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara yang dikemaskini setakat 8 April 2020
- b) "Terhad" bermaksud kebenaran adalah tertakluk kepada arahan daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Agensi-Agensi berkaitan

- c) Status zon adalah berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa
- d) Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk semua zon adalah Surat Umum Pemakluman SKMM kepada pejabat SUK Negeri dan Surat kelulusan cetakan melalui sistem di pautan <https://application.miti.gov.my>
5. Jumlah kakitangan yang dibenarkan berkhidmat pada satu-satu masa/hari bagi skop kerja yang akan dijalankan pada satu-satu lokasi adalah seperti berikut;

BIL	SKOP KERJA PENYELENGARAAN DAN OPERASI	BILANGAN KAKITANGAN YANG DIBENARKAN
1.	Pemasangan infrastruktur baharu di lapangan	≤ 15
2.	Pemasangan baharu di premis pelanggan	≤ 2
3.	Menaiktaraf rangkaian (infrastruktur sivil, peralatan dan komponen alatan komunikasi)	≤ 10
4.	Penyelenggaraan berkala luaran (Pemotongan rumput, pembersihan kawasan dan seumpamanya)	≤ 10
5.	Pengisian diesel	≤ 3
6.	Pengesanan kerosakan, pembaikan, pemulihan, operasi rutin dan penyelenggaraan alatan komunikasi	≤ 10
7.	Stor penyimpanan	≤ 5
8.	Perkhidmatan penghantaran peralatan, barangan keperluan Komunikasi (seperti alat ganti dan kad sim dan sebagainya)	≤ 2

Jadual 2

6. Bagi permohonan kebenaran kerja di lapangan, proses permohonan adalah seperti di Lampiran 1.

7. Keperluan penjagaan dan pencegahan adalah seperti berikut;
 - a. Syarikat hendaklah menghadkan bilangan kakitangan beroperasi seperti pada Jadual 2 atau ditahap yang paling minima atau sehingga 50% daripada jumlah kakitangan sebelum tempoh PKP atau mengikut keperluan pihak berkuasa yang berkaitan.
 - b. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanning*, dan mengambil bacaan suhu badan kakitangan di pintu masuk pejabat dengan bacaan suhu harian kakitangan direkodkan.
 - c. Kakitangan yang mempunyai bacaan melebihi kadar tidak sihat (37.5°) adalah tidak dibenarkan bertugas dan menjadi tanggungjawab syarikat merujuk kakitangan berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan/Klinik Panel;
 - d. Prosedur pencegahan Covid-19 hendaklah dipatuhi termasuk penjarakan sosial;
 - e. Sekiranya terdapat kakitangan-kakitangan yang berada di bawah pemerhatian KKM (*Person Under Investigation & Person Under Surveillance*), kakitangan terbabit tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
 - f. Sekiranya terdapat kakitangan yang dijangkiti Covid-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses sanitasi dan lain-lain kos yang berkaitan.
 - g. Syarikat hendaklah mengamalkan kebersihan dan menyediakan cecair pencuci tangan (*hand sanitizer/disinfecting kits*) serta memastikan pemakaian penutup hidung dan mulut (*face mask*) oleh kakitangan dipatuhi pada setiap masa.

- h. Syarikat perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan kakitangan dengan menerapkan garis panduan amalan terbaik iaitu penjarakan sosial dalam kenderaan. Kenderaan juga perlu menjalani proses sanitasi atau nyahkuman setiap kali digunakan.
- i. Sekiranya terdapat kakitangan yang dijangkiti Covid-19, syarikat wajib melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah Berkaitan dan kerja lapangan hendaklah **DIHENTIKAN**.

PENGUATKUASAAN

8. SOP ini juga dibaca bersama dengan;

- 8.1 Peraturan 2 di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2020 (P.U. (A) 117/2020) memperuntukkan perkhidmatan komunikasi dan internet sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
 - 8.2 Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 Majlis Keselamatan Negara, peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
9. Kelulusan bersyarat yang diberikan tertakluk kepada sebarang perintah dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, pihak Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa.


10. Kelulusan bersyarat ini akan terbatal sekiranya mana-mana individu dari syarikat komunikasi dan internet, pembekal dan kontraktor didapati melanggar mana-mana perintah dan peraturan yang telah diwartakan *oleh Kerajaan melalui mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.*
11. Jika terdapat sebarang percanggahan/ketidakselarasan peruntukan SOP ini dengan *Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Kakitangan Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan*, maka SOP ini adalah terpakai.
12. Garis Panduan ini terpakai sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan.

****Kerajaan berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.***

LAMPIRAN 1

PANDUAN MENGISI BORANG BAGI KLUSTER KOMUNIKASI DAN INTERNET UNTUK MEMBOLEHKAN KAKITANGAN SYARIKAT, PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR BEKERJA DALAM TEMPOH PKP.

1. Permohonan boleh dibuat di atas talian melalui pautan <https://application.miti.gov.my> seperti berikut;



The screenshot shows a web browser window with the URL application.miti.gov.my/login. The page header includes the Malaysian coat of arms and the text 'Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri'. The main heading is 'Log Masuk Pemohon'. Below this is a login form with the following elements:

- Emel:
- Kata Laluan:
- Buttons: Lupa kata laluan?, Daftar, Log Masuk
- Footer: Powered by MARI

Rajah 1

2. Permohonan ini merujuk kepada SOP yang dikhususkan kepada mereka yang terlibat dalam Kluster Komunikasi dan Internet (termasuk dalam senarai perkhidmatan adalah sektor perkhidmatan POS dan Kurier dan juga Penyiaran). Bagi tujuan untuk Garis Panduan ini skop kerja dikhususkan kepada skop kerja seperti pada Jadual 1.
3. Permohonan kerja lapangan melalui sistem hendaklah dibuat lebih awal sebelum kerja-kerja dijalankan. Permohonan akan diproses dalam tempoh lima (5) hari.

4. Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui sistem dan surat kelulusan boleh dicetak terus yang mempunyai Kod QR.
5. Surat kelulusan perlu dibawa sewaktu berkerja di lapangan sebagai pengenalan yang sah untuk beroperasi.
6. Sebelum kerja lapangan dimulakan, pembekal atau kontraktor perlu memaklumkan kepada;
 - i. Pejabat SKMM Negeri melalui emel seperti di Lampiran 2; dan
 - ii. Balai Polis berdekatan (jika perlu) menggunakan borang seperti di bawah untuk tujuan rekod pihak Polis. Ini bagi mengelakkan pihak Polis mengeluarkan arahan pemberhentian pelaksanaan kerja di lapangan.

BORANG PEMAKLUMAN KERJA LAPANGAN OLEH PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR KEPADA BALAI POLIS BERDEKATAN				
Nama Syarikat/ Pembekal/ Kontraktor				
Alamat Syarikat Syarikat/ Pembekal/ Kontraktor				
Nama Pegawai Syarikat Bertanggungjawab				
Nombor Telefon	Pejabat :		H/P :	
Tarikh Kerja	Dari :		Hingga :	
Kawasan/Daerah Pelaksanaan Kerja				
Skop Kerja				
Bil	Nama Pekerja	Kad Pengenalan		

Pengesahan pihak Polis:

Nama pegawai : _____

Tarikh : _____

Cop : _____

LAMPIRAN 2

Senarai Pengarah Negeri SKMM di seluruh Malaysia seperti di bawah :

Bil	Pengarah Negeri	Pejabat SKMM Negeri	emel
1	Izani Othman	Perlis & Kedah	mco.kdps@mcmc.gov.my
2	Rizal Abd Malek	Pulau Pinang	mco.pps@mcmc.gov.my
3	Zairulnahr Zakaria	Perak	mco.pso@mcmc.gov.my
4	Roszeta Kassim	Selangor, WP KL, Putrajaya	mco.sso@mcmc.gov.my
5	Mohd Khairilnaim Osman	Negeri Sembilan	mco.nss@mcmc.gov.my
6	Muhamad Luqman Ali	Melaka	mco.mso@mcmc.gov.my
7	Muhammad Azhar Zakaria	Johor	mco.jso@mcmc.gov.my
8	Zahari Ismail	Pahang	mco.phso@mcmc.gov.my
9	Mohd Fairus Muhamad	Terengganu	mco.tso@mcmc.gov.my
10	Abd Mubin Mohd Zain	Kelantan	mco.kso@mcmc.gov.my
11	Roslan Mohamad	Sabah	mco.sbso@mcmc.gov.my
12	Adiman Ajem	Sarawak	mco.sws@mcmc.gov.my

Jadual L3

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PERMOHONAN BAGI KERJA PENYELENGGARAAN DAN OPERASI UNTUK PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR SEKTOR KOMUNIKASI DAN INTERNET BEROPERASI DALAM TEMPOH PKP

TANGGUNGJAWAB

- Syarikat Telekomunikasi
- Pembekal
- kontraktor

MITI / SKMM




PROSES KERJA

Dokumen teribat :


- Lesen Perniagaan
- Lesen berdaftar dengan SKMM (jika ada)
- Maklumat nama pekerja

Permohonan pendaftaran melalui portal :

- <https://application.miti.gov.my>




- Isi semula jika dokumen tidak lengkap



Syarikat/ Pembekal / Kontraktor

- Cetak surat kelulusan kebenaran beroperasi dalam tempoh PKP



Sebelum memulakan kerja, memaklumkan:

1. Pejabat Negeri SKMM melalui emel di **Jadual L3**
2. Balai Polis berdekatan (jika perlu) menggunakan **BORANG PEMAKLUMAN KERJA LAPANGAN OLEH PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR** kepada **BALAI POLIS** berdekatan